

**BERITA ONLINE**  
**UTUSAN BORNEO SARAWAK**  
**TARIKH: 24 OKTOBER 2022 (ISNIN)**



## **Lebih 1,000 belia sertai JomLaunch Youth 2022**

**KUALA LUMPUR:** Inisiatif JomLaunch Youth 2022 berjaya menarik pendaftaran lebih 1,000 belia berusia 18 hingga 30 tahun bagi menimba ilmu dan meningkatkan kemahiran teknologi melalui kursus percuma yang disediakan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba dalam kenyataan hari ini berkata inisiatif yang dilancarkan pada Jun lepas itu, adalah sebahagian daripada usaha untuk merakyatkan sains, menginsangkan teknologi dan memperkasa agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) negara.

"Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berharap pada akhir program itu, ia berjaya mengumpulkan

idea STI yang berpotensi untuk dikomersialkan di bawah payung Malaysia Techlympics," katanya yang turut memaklumkan majlis penutup JomLaunch Youth 2022 berlangsung pada kelmarin.

Menurutnya, tujuan inisiatif itu adalah untuk menyediakan platform dan peluang kepada belia Malaysia mendalami bidang teknologi tinggi melalui tiga pilihan modul pembelajaran iaitu Internet Benda (IoT), Pembangunan Aplikasi Telefon Pintar dan Pembangunan Aplikasi Web yang dilaksanakan secara percuma.

Sementara itu, Ketua Setiausaha MOSTI Datuk Dr Aminuddin Hassim berkata JomLaunch Youth 2022 berjaya menarik penyertaan daripada lebih 50 institusi

pengajian tinggi awam dan swasta.

"Tenaga pengajar berpengalaman menjadi mentor kepada peserta dengan mengadakan beberapa sesi webinar sepanjang lima bulan program berlangsung. Ia bagi membolehkan peserta berinteraksi secara terus dengan tenaga pengajar dan mendapatkan bantuan serta nasihat yang diperlukan," katanya.

Menurut MOSTI inisiatif itu mampu meningkatkan kebolehan dan kesediaan tenaga kerja mahir dalam bidang teknologi tinggi seterusnya memungkin pertumbuhan ekonomi baharu, penerimaan teknologi termaju, membina bakat pembuat perubahan dan menyokong transformasi negara. — Bernama

**KUALA LUMPUR:** Inisiatif JomLaunch Youth 2022 berjaya menarik pendaftaran lebih 1,000 belia berusia 18 hingga 30 tahun bagi menimba ilmu dan meningkatkan kemahiran teknologi melalui kursus percuma yang disediakan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba dalam kenyataan hari ini berkata inisiatif yang dilancarkan pada Jun lepas itu, adalah sebahagian daripada usaha untuk merakyatkan sains, menginsangkan teknologi dan memperkasa agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) negara.

"Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berharap pada akhir program itu, ia berjaya mengumpulkan idea STI yang berpotensi untuk dikomersialkan di bawah payung Malaysia Techlympics," katanya yang turut memaklumkan majlis penutup JomLaunch Youth 2022 berlangsung pada kelmarin.

Menurutnya, tujuan inisiatif itu adalah untuk menyediakan platform dan peluang kepada belia Malaysia mendalami bidang teknologi tinggi melalui tiga pilihan modul pembelajaran iaitu Internet Benda (IoT), Pembangunan Aplikasi Telefon Pintar dan Pembangunan Aplikasi Web yang dilaksanakan secara percuma.

Sementara itu, Ketua Setiausaha MOSTI Datuk Dr Aminuddin Hassim berkata JomLaunch Youth 2022 berjaya menarik penyertaan daripada lebih 50 institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

"Tenaga pengajar berpengalaman menjadi mentor kepada peserta dengan mengadakan beberapa sesi webinar sepanjang lima bulan program berlangsung. Ia bagi membolehkan peserta berinteraksi secara terus dengan tenaga pengajar dan mendapatkan bantuan serta nasihat yang diperlukan," katanya.

Menurut MOSTI inisiatif itu mampu meningkatkan kebolehan dan kesediaan tenaga kerja mahir dalam bidang teknologi tinggi seterusnya memangkin pertumbuhan ekonomi baharu,penerimangunaan teknologi termaju, membina bakat membuat perubahan dan menyokong transformasi negara. — Bernama